

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH**

**MOHD JANOR**

**NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA**

**SIMPOSIUM KECEMERLANGAN OPERASI 2023**

**16 OGOS 2023 | RABU | 9 PAGI**

**YOUTUBE InQKA**

## **Bismillahirrahmanirrahim.**

- YBhg. Prof. Datin Dr Suzana Sulaiman  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)
- YBhg. Prof. Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- YBhg. Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- YBhg. Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah  
Timbalan Naib Canselor  
(Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti,
- Ketua-ketua Jabatan, Para Jurulatih  
Kecemerlangan Operasi,
- Yang Berusaha Prof. Madya Teknologis Dr.  
Engineer Shahrul Azam Abdullah,  
Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan  
Kecemerlangan Operasi  
selaku Pengerusi Simposium Kecemerlangan  
Operasi 2023
- Warga Universiti serta hadirin sekalian.

**(Salutasi – kemas kini berdasarkan kehadiran)**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, **Simposium Kecemerlangan Operasi 2023**, dapat dilaksanakan lagi pada tahun ini.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) atas inisiatif yang berterusan, dan komitmen yang tidak pernah putus dalam membudayakan amalan penambahbaikan untuk memenuhi keperluan serta mendepani perubahan semasa dan seterusnya menjadi budaya dalam kalangan warga UiTM.

3. Simposium Kecemerlangan Operasi telah dianjurkan sejak tahun 2017 dan menjadi acara tahunan bagi memperkukuh pengetahuan dan memantapkan aktiviti penambahbaikan proses kerja. Alhamdulillah, pada hari ini kita berkumpul lagi untuk berkongsi idea, pendapat dan membina jaringan.

4. Aktiviti Kecemerlangan Operasi di seluruh UiTM telah mula dilaksanakan pada tahun 2016 sebagai teras pengurusan UiTM. Warga UiTM di peringkat pengurusan mahupun operasi diberi latihan dan perkongsian mengenai kepentingan penambahbaikan proses kerja, manfaatnya kepada institusi serta peranan setiap individu untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan yang telah dirancang. Dengan meletakkan kecemerlangan operasi sebagai salah satu petunjuk prestasi, diharapkan semua PTJ lebih

memahami keperluan universiti untuk menzahirkan tadbir urus tangkas dan mengadaptasi pengurusan kejut.

5. Bersesuaian dengan peningkatan inovasi dalam pelaksanaan proses dan aktiviti, penghasilan kaedah baharu dalam penyampaian perkhidmatan, tema pada kali ini ialah “**Pembudayaan Kecemerlangan Operasi Dalam Organisasi**”.

6. Pembudayaan ini akan memberi impak yang besar terhadap prestasi organisasi daripada aspek kepuasan hati pelanggan, penjimatan kos dan sumber serta penjimatan tempoh penyampaian perkhidmatan. Usaha ini selari dengan hasrat GRU2025 UiTM untuk meningkatkan prestasi berasaskan nilai dan tadbir urus tangkas.

7. Sehingga tahun ini, sebanyak **3,150 proses kerja** telah didaftarkan dan **736 proses kerja** telah dibuat penambahbaikan. Oleh itu, sukacita saya menyeru warga UiTM agar dapat melaksanakan penambahbaikan proses kerja secara konsisten dan mengikut keperluan semasa.

8. Kecemerlangan Operasi telah bertapak secara rasminya di UiTM selama 6 tahun dan saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh warga UiTM atas komitmen dan usaha yang telah diambil untuk membudayakan penambahbaikan berterusan.

9. Tahniah diucapkan kepada pihak InQKA kerana memainkan peranan bagi merancang dan melaksanakan inisiatif Kecemerlangan Operasi seluruh UiTM.

10. Semoga pembudayaan Kecemerlangan Operasi dalam kalangan warga UiTM dapat memberi impak berterusan dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian hala tuju universiti sebagai Universiti Dikenali Dunia 2025.

11. Dengan lafaz *Bismillahirrahmannirrahim*, saya merasmikan **Simposium Kecemerlangan Operasi 2023**.

**Sekian.**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Terima kasih.